

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2021/2022

Februari/Mac 2022

HSC324 - Sejarah Asia Timur

Masa : 24 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi LAPAN (8) soalan. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja: **WAJIB** jawab SATU (1) soalan daripada setiap bahagian iaitu Bahagian A, B dan C; dan SATU (1) soalan dipilih SAMA ADA daripada Bahagian A, B ATAU C.

...2/-

SULIT

Bahagian A

1. "Sebagai wangsa yang muncul pada akhir zaman China tradisional, Wangsa Ming (1368M – 1644M) beruntung kerana mewarisi asas-asas yang telah dimantapkan oleh wangsa-wangsa sebelumnya. Sungguhpun demikian, Wangsa Ming musnah juga pada tahun 1644." **Tafsirkan** kesahihan pernyataan ini.

[100 markah]

2. "Orang gasar telah membawa kemusnahan dalam perkembangan sejarah China tradisional. Namun, di sebalik kemusnahan itu, serangan dan penaklukan oleh orang gasar telah membawa banyak faedah kepada China dan kecinaan." **Hubung kaitkan** pernyataan tersebut dengan merujuk kepada sekurang-kurangnya DUA wangsa orang bukan Cina dalam sejarah China tradisional.

[100 markah]

3. "Jepun merupakan koloni kebudayaan China dari kurun ke-7 hingga kurun ke-9." **Terangkan** ketepatan pernyataan tersebut.

[100 markah]

Bahagian B

4. "Perubahan wangsa sentiasa berlaku di China tradisional, tetapi ia hanyalah umpama pindaan-pindaan pada rumah lama, rumah itu tetap dengan watak lamanya." **Analisisikan** ketepatan pernyataan ini.

[100 markah]

5. **Telitikan** keperipentingan kerajaan Kamakura (1185M – 1333M) dalam sejarah kemunculan Jepun sebagai sebuah negara bangsa yang utuh dan berdaulat.

[100 markah]

...3/-

6. **Bandingkan** kedudukan Korea dalam sejarah China dan Jepun sebelum pertengahan kurun ke-19.

[100 markah]

Bahagian C

7. “Jepun pada zaman Tokugawa (1600M – 1868M) amat mencurigai unsur-unsur asing, tetapi unsur-unsur itu meresap juga ke dalam masyarakat Jepun dan mempengaruhi perkembangan sejarahnya.”
Pertahankan pernyataan tersebut.

[100 markah]

8. **Bezakan** antara faktor-faktor yang mendorong kepada penulisan sejarah rasmi China tradisional dengan penulisan sejarah rasmi Jepun tradisional sebelum kurun ke-19.

[100 markah]